



Bahagian Hal Ehwal Akademik

Rujukan : 100-UiTMCPs (HEA/KK-30/7B) Jld. 9
Tarikh : 27 Januari 2000

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PENGESAHAN SEBAGAI PELAJAR UiTM

TAJUK PROJEK : MEMBEKAL ALATAN SPRING KERETA DAN MOTOSIKAL
KURSUS : DIPLOMA IN BANKING STUDIES
MATA PELAJARAN : ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

Dengan ini disahkan bahawa nama-nama seperti senarai di bawah adalah pelajar Universiti Teknologi MARA Kampus Perlis.

Bil	Nama	No. Kad Pelajar
1.	Azman Ismail	97111331
2.	Fairul Akmar Abd Aziz	97111395
3.	Mohd Fazli Norzan	97111610
4.	Mohd Rizwan Osman	97220212

Untuk makluman tuan/puan mereka ini sedang mengikuti mata pelajaran yang tersebut di atas sebagai keperluan kursus sebelum dianugerahkan Diploma.

Untuk membolehkan mereka menyiapkan kertas projek tersebut, mereka memerlukan maklumat atau bahan dari pihak tuan/puan.

Sehubungan dengan itu, sukacita kami sekiranya pihak tuan/puan dapat membekalkan apa-apa maklumat atau bahan yang diperlukan oleh mereka seperti brosur, risalah dan sebagainya. Sekiranya bahan yang diperlukan oleh pelajar itu merupakan dokumen penting pejabat, ianya bolehlah dibuat salinan fotostat dan kosnya ditanggung oleh pelajar. Maklumat atau bahan yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini sangat-sangat kami hargai dan pihak UiTM Kampus Perlis mendahuluiinya dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,

DR. HJ. KHUDZIR HJ. ISMAIL
Timbalan Provos HEA
b/p Provos

s.k: 1. En. Noordin Ali - Pensyarah
2. Fail 100-UiTMCPs (HEA-30/7B)

**02600 ARAU
PERLIS**

Tel : 04 - 9874214
Fax : 04 - 9874225
E-mail : khudzir@pc.jaring.my

ISI KANDUNGAN

BUTIR-BUTIR

MUKASURAT

1.	SURAT PENYERAHAN	i-ii
2.	SEKAPUR SIREH SECAKIP PINANG	iii
3.	SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	i-vi
4.	SURAT PERMOHONAN PINJAMAN	vii
5.	PENGENALAN	1
6.	TUJUAN	2
7.	LATARBELAKANG PERNIAGAAN	3
8.	LATARBELAKANG RAKAN KONGSI	4-7
9.	PENERANGAN LOGO SYARIKAT	8
10.	RANCANGAN PENTADBIRAN	9-27
11.	RANCANGAN PEMASARAN	28-46
12.	RANCANGAN OPERASI	47-56
13.	RANCANGAN KEWANGAN	57-77
14.	LAMPIRAN	78

SURAT PENYERAHAN PERNIAGAAN RANCANGAN

Diploma Pengurusan Bank
Bahagian 05
Universiti Teknologi Mara
02600 Arau
Perlis Indera Kayangan

28 Mac 2000

Tuan Hj. Noordin b. Ali
Pensyarah Asas Keusahawanan
Universiti Teknologi Mara
02600 Arau
Perlis Indera Kayangan

Tuan

PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya kami menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan *OFF SPRING SUPPLIER ENTERPRISE* ini adalah bagi memenuhi sukanan pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300). Perniagaan yang akan ditubuhkan ini adalah sebagai pembekal alatan spring kenderaan kereta dan motosikal.

Segala aspek yang berkaitan untuk penubuhan sesebuah perniagaan perkongsian seperti latarbelakang perniagaan, matlamat penubuhan, pengurusan, pemasaran, operasi, kewangan dan segala hal yang berkaitan terkandung di dalam kertas kerja ini.

Maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan hasil dari kaji selidik yang telah kami jalankan dan juga kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat.

Dengan terhasilnya Rancangan Perniagaan ini, adalah diharapkan pihak tuan dapat menilai dan berpuas hati dengan kerja yang kami sediakan ini dan memenuhi kehendak subjek ETR 300. Kami juga berharap pihak tuan dapat melihat sejauh manakah potensi dan perkembangan perniagaan yang bakal kami usahakan ini.

OFF-SPRING SUPPLIER ENTERPRISE

SEKIAN. TERIMA KASIH.

Yang benar,

(FAIRUL AKMAR ABD AZIZ)

(MOHD. FAZLI NORZAN)

(MOHD. RIZWAN OSMAN)

(AZMAN ISMAIL)

SEKAPUR SIREH SEKACIP PINANG

Assalamualaikum w.b.t

Dengan nama Allah yang Maha pemurah lagi Maha Mengasihani. Bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya serta kesabaran dan kegigihan yang diberikan kepada kami dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini yang diwajibkan kepada pelajar bagi memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 3000). Maka kami pelajar DIB di bawah tunjuk ajar Tuan Hj. Noordin b. Ali, kami telah berjaya menyiapkan kertas kerja seperti mana yang dikehendaki.

Disamping dapat memupuk semangat kerjasama yang erat di antara ahli-ahli kumpulan dan juga kami dapat mengetahui bagaimana untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, berdedikasi serta berdaya tinggi.

Ini juga sebagai langkah menyambut seruan kerajaan Malaysia dengan secara tidak langsung dapat menggalakkan penglibatan bumiputera dalam perniagaan khususnya kepada para graduan. Alhamdulillah dengan berkat kesabaran dan kegigihan yang tinggi kami dapat menangani segala rintangan dan cabaran untuk menyiapkan kertas kerja ini.

Segala maklumat yang kami perolehj adalah berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan, mengadakan sesi temuramah dengan individu-individu yang terlibat serta dari sumber-sumber sekunder.

Seperti yang telah maklum Rancangan Perniagaan ini disediakan dengan tujuan untuk mendapatkan pinjaman tetapi disini ia juga memberi gambaran yang jelas tentang bidang pengajian ini disamping dapat membuat anggaran yang tidak lari maklumat yang dasarnya iaitu untuk mencapai tahap keuntungan yang maksima dalam satu jangka masa yang munasabah.

Akhir kata kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, Terima Kasih.

Wassalam